

PROTON Memperkukuh Bakat Belia dalam EV melalui Kerjasama Universiti

PROTON Business Case Challenge 2025 melibatkan pelajar tahun akhir di seluruh negara untuk membangunkan kemahiran penyelesaian sebenar dalam industri Automotif

Subang Jaya, 18 November 2025 – PRO-NET, anak syarikat PROTON, turut menjadi sebahagian daripada Proton Business Case Challenge 2025, sebuah pertandingan peringkat nasional yang mengumpulkan mahasiswa dari seluruh negara untuk menguji ketajaman pemikiran perniagaan dan keupayaan inovasi golongan belia.

Sebagai sebahagian daripada Program *Proton Young Talent* (PYT), cabaran ini menyediakan platform untuk para pelajar menangani senario perniagaan automotif sebenar dan mengemukakan penyelesaian kreatif berasaskan data yang selari dengan landskap mobiliti yang semakin berkembang pesat.

“Proton Business Case Challenge ialah peluang untuk melihat bagaimana anak muda Malaysia memandang masa depan industri automotif,” kata Zhang Qiang, CEO PRO-NET. “Dengan perkembangan pesat kenderaan elektrik di Malaysia, kami mahu menginspirasi golongan belia untuk berfikir lebih jauh dan bertindak dengan yakin. PRO-NET sentiasa bersedia membimbing bakat baharu dan menyediakan ruang untuk mereka berkembang dalam industri ini.”

Pencarian Bakat di Seluruh Negara

Pertandingan ini akan diadakan dalam enam pusingan serantau, sebelum mencapai *Grand Finale* pada 13 Disember 2025. Setiap pasukan yang terdiri daripada empat hingga lima orang pelajar akan ditugaskan untuk menganalisis, merangka, dan membentangkan penyelesaian perniagaan strategik dalam masa yang ditetapkan, menguji kerjasama, kreativiti, dan pemikiran strategik mereka.

PRO-NET akan berada di lokasi berikut:

Wilayah	Lokasi	Tarikh
Lembah Klang	Universiti Malaya	17 November 2025
Utara	Universiti Utara Malaysia	19 November 2025
Selatan	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	26 November 2025

Proton Business Case Challenge 2025 terbuka kepada warganegara Malaysia yang merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana, berumur 26 tahun ke bawah pada tahun 2025.

Ganjaran Lebih Daripada Wang Tunai: Laluan Menyertai PROTON

Pemenang Proton Business Case Challenge akan menerima hadiah wang tunai sehingga RM5,000, manakala *Top Presenter* akan dianugerahkan hadiah khas sebanyak RM1,000.

Pelajar yang menunjukkan prestasi terbaik akan menerima Tawaran Bersyarat untuk menyertai Program *Proton Young Talent* selepas tamat pengajian, satu peluang eksklusif untuk membina kerjaya profesional di PROTON, lengkap dengan bimbingan, pembangunan berstruktur, dan pengalaman praktikal di syarikat automotif Nasional Malaysia.

Untuk kemas kini dan maklumat tempahan, lawati laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial) dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut.

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #OwnYourSpace #FreedomThatElectrifies

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional terkemuka Malaysia, sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam penerimaan EV dan pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk memimpin peralihan kepada pengangkutan lestari dengan tumpuan tidak berbelah bagi terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, dan ekosistem yang lengkap memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selari dengan syarikat induk PROTON, ialah MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan sentiasa menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global



PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD